

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATO' JOHARI BIN ABDUL**
[SUNGAI PETANI]

TARIKH : **1 JULAI 2019 [ISNIN]**

SOALAN NO. 5

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan Kertas Putih Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) telah pun dibentangkan di Parlimen:-

- (a) Adakah Kerajaan merasakan tindakan undang-undang terhadap mereka yang melakukan penyelewengan agak terlalu lambat; dan
- (b) Jika tindakan telah diambil, berapa yang telah dibawa ke mahkamah.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

1. Objektif Kertas Putih FELDA adalah untuk memberi maklumat mengenai situasi sebenar dan isu yang dihadapi oleh FELDA. Kertas Putih ini juga menganalisis prestasi kewangan serta menggariskan hala tuju baharu untuk kelestarian FELDA. Tumpuan telah diberikan kepada penambahbaikan tadbir urus, penstrukturan semula dan pengukuhan kewangan serta operasi FELDA.
2. Antara komponen utama Kertas Putih ini adalah kajian audit forensik yang telah dilaksanakan oleh firma profesional bebas terhadap pembelian dan pelaburan yang meragukan. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji secara mendalam proses perolehan dan pelaburan serta mengenal pasti sekiranya terdapat salah laku oleh pihak yang terlibat. Kajian ini turut bertujuan untuk mengenal pasti corak dan trend kelemahan tadbir urus FELDA bagi membolehkan langkah pengukuhan dibuat.

3. Tumpuan telah diberikan kepada lapan kes pembelian dan pelaburan yang signifikan dalam kumpulan FELDA. Hasil kajian audit forensik ini telah dilaporkan di dalam Bab 3 Kertas Putih FELDA.
4. Susulan daripada kajian audit forensik, FELDA, pada 8 April 2019 telah melaporkan kepada pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dua daripada lapan urusan tersebut iaitu, pembelian saham syarikat perladangan Indonesia, Eagle High Plantations Tbk (EHP) dan projek pembangunan Kuala Lumpur Vertical City (KLVC).
5. Lanjutan daripada itu, PDRM sedang melakukan siasatan terperinci terhadap EHP dan KLVC. FELDA memberi kerjasama penuh kepada pihak PDRM dalam siasatan kes-kes ini. FELDA komited membantu PDRM daripada pelbagai aspek supaya proses penyiasatan berjalan dengan lancar.
6. Sebagai sebuah Kerajaan yang menekankan kepada pemerintahan mengikut undang-undang, adalah wajar pihak berkuasa diberi ruang bagi melengkapkan siasatan untuk memastikan proses perundangan berjalan berdasarkan *rule of law*.

7. Untuk baki enam kes pembelian dan pelaburan yang dibentangkan dalam Kertas Putih, FELDA akan mengambil tindakan susulan dalam masa yang terdekat.
8. Walaupun hanya lapan urusanniaga diberikan fokus di dalam Kertas Putih, ianya tidak bermakna FELDA mengabaikan mana-mana pembelian atau pelaburan lain yang meragukan.
9. FELDA akan memastikan tadbir urus korporat yang berasaskan ketelusan dan akauntabiliti terus diperkasakan untuk mengembalikan keyakinan dan kepercayaan pemegang taruh, khususnya peneroka FELDA.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

1 Julai 2019